





IQRA'

Bil. 1/2024
JANUARI



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

PROGRAM BEDAH BUKU BERSAMA PENULIS UITM CAWANGAN TERENGGANU

JANUARI 10, 2024



Perpustakaan Cendekialan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun telah mengadakan Program Bedah Buku bersama Penulis UiTMCT pada 10 Januari 2024, Rabu yang lalu. Penulis jemputan bagi program ini ialah Dr. Abdul Wahab Md Ali, Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTMCT. Beliau merupakan penulis bagi buku yang bertajuk "Sekati Gandum Secubit Garam" terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. dan buku ini baharu sahaja diterbitkan di pasaran pada Disember 2023.

Bertempat di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE), program ini dilaksanakan secara berasmuka dan juga disiarkan secara langsung di platform Facebook Perpustakaan Cendekialan selama satu jam bermula jam 11.00 pagi. Ianya dikendalikan oleh En. Ahmad Fathi bin Azhari Azmi, Pembantu Pustakawan, selaku Moderator, manakala perincian bedah buku pilihan telah disampaikan oleh Dr. Abd. Wahab bin Md. Ali yang juga dikenali dengan nama pena Abd. Wahab Paloh Nyior.

Objektif utama program ini ialah untuk mempromosi karya tulisan warga UiTMCT di samping menggalakkan budaya membaca di kalangan masyarakat melalui platform perkongsian ilmu. Interaksi antara dua hala penulis dan pembaca secara tidak langsung memberi peluang kepada penulis di kampus untuk mengetahui cara mengenal pasti kekuatan penulisan. Program ini juga menggalakkan warga kampus untuk menghasilkan karya kreatif tulisan sendiri dengan mengetahui kaedah dan selok-belok penulisan hingga ianya diterbitkan.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my